

28/05/1998

Tiga muka baru DPMM

Mutazar Abd Ghani

MESYUARAT agung tahunan (AGM) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) ke-33 yang berakhir di Kuala Lumpur, semalam, menyaksikan pemilihan timbalan presiden yang baru serta dua muka baru untuk jawatan naib presiden.

Yang Dipertua (YDP) DPMM Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahman Maidin, yang mendapat 129 undi terpilih sebagai timbalan presiden, selepas menewaskan penyandang jawatan itu yang juga YDP DPMM Kelantan, Datuk Dr Adam Harun, yang memperolehi 102 undi.

Bagi jawatan naib presiden, dua muka baru iaitu Datuk Raduan Md Taib (YDP DPMM Selangor) dan Syed Amin Al-Jeffri (YDP DPMM Kuala Lumpur) di samping penyandanganya, Dr Abdul Murad Ahmad (YDP DPMM Negeri Sembilan), berjaya merebut jawatan itu dengan menewaskan tiga calon lain.

Raduan dan Dr Abdul Murad masing-masing memperolehi 135 undi manakala Syed Amin mendapat 121 undi.

Tiga calon lain yang turut bertanding jawatan terbabit iaitu Md Ramli Mohamad (YDP DPMM Melaka) memperolehi 111 undi; Syed Ali Al-Attas (YDP DPMM Johor - 94 undi) dan Baharuddin Kassim (YDP DPMM Kedah - 88 undi).

Jawatan naib presiden sebelum ini disandang oleh Abdul Rahman, Dr Abdul Murad dan Md Ramli. Dalam pemilihan jawatan itu semalam, sebanyak tiga undi rosak.

Bagi ahli Majlis Eksekutif Dewan (MED) pula, lima calon yang terpilih ialah Datuk Zainal Ismail yang memperolehi 163 undi; Nasir Ibrahim (159 undi); Md Nizar Jaafar (158 undi); Datuk Badrudin Amiruldin (142 undi); dan Senator Rosli Mat Hassan (115 undi).

Empat calon lain yang turut bertanding ahli MED ialah Muhiyuddin Abdullah yang memperolehi 110 undi; Kamil Abdul Rahman (108 undi); Datuk Zaini Mohd Isa (102 undi) dan Mohd Anuar Hassan (93 undi).

Keputusan pemilihan Majlis Eksekutif Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) bagi tempoh 1998-2000 itu diumumkan oleh Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli, petang semalam.

Jawatan presiden tidak dipertandingkan semalam kerana ia dimenangi tanpa bertanding oleh Tajudin. AGM semalam dirasmikan penasihat ekonomi kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Seramai 293 perwakilan DPPM menghadiri AGM semalam. Mereka juga sebulat suara bersetuju menerima ucapan dasar presiden untuk dijadikan memorandum yang akan dikemukakan kepada kepimpinan politik negara serta kementerian dan agensi berkaitan.

Perwakilan juga bersetuju memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya segala yang tergarap dalam Wawasan 2020 menjadi kenyataan.

(END)